



PERTANDINGAN

PHOTO JOURNALISM

SEMPENA
SAMBUTAN HARI HABITAT SEDUNIA
PERINGKAT MALAYSIA TAHUN 2019

*"Frontier Technologies as an Innovative Tool
To Transform Waste To Wealth"*

Hadiah Pertama
RM3,000.00

Hadiah Kedua
RM2,000.00

Hadiah Ketiga
RM1,000.00

Pengurusan sisa pepejal adalah isu global yang memberi kesan kepada semua orang. Jumlah sampah yang dihasilkan oleh individu semakin meningkat setiap hari dan seringkali membebankan Pihak Berkuasa Tempatan kerana perlu membelanjakan sebahagian besar dari anggaran perbelanjaan tahunan mereka untuk pengurusan sisa pepejal. Pengumpulan sampah dan pelupusan sisa pepejal boleh membawa kepada masalah kesihatan yang serius dari tapak pembuangan dan pembakaran sampah yang tidak terkawal. Pelupusan sisa pepejal dan sampah yang tidak terkawal juga boleh membawa kepada pencemaran udara, air dan persekitaran.

Perubahan sikap individu dan masyarakat adalah penting untuk meminimumkan pembuangan sisa pepejal ke tapak pelupusan. Perancangan sisa pepejal yang efektif termasuk penyediaan tapak pelupusan sampah yang berteknologi tinggi, usaha meningkatkan amalan kitar semula serta pembiayaan yang mencukupi dari pihak Kerajaan akan dapat membantu Pihak Berkuasa Tempatan memperbaiki keadaan semasa pengurusan sisa pepejal. Inovasi dan teknologi terkini dalam pengurusan sisa pepejal akan mewujudkan budaya 'Waste to Wealth'.

HANTAR PENYERTAAN ANDA SEBELUM ATAU PADA
13 SEPTEMBER 2019 KEPADA

Urusetia Pertandingan Photojournalism
Sambutan Hari Habitat Sedunia Peringkat Malaysia Tahun 2019,
Bahagian Keurussetiaan Strategik dan Hubungan Antarabangsa
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 20, No.51, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 PUTRAJAYA

Pegawai untuk dihubungi :

Puan Hasniza binti Sheikh Said @ Ahmad
Tel : 03 - 8891 5087
E-mel: hasniza@kpkt.gov.my

Puan Juliah binti Jusman
Tel : 03 - 8891 5069
E-mel: juliahjusman@kpkt.gov.my

TERMA DAN RUJUKAN

Pertandingan Photojournalism ini adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia **KECUALI** urus setia pertandingan.

Tarikh tutup pertandingan adalah pada **13 September 2019 (Jumaat)**. Pemenang akan dihubungi melalui surat / telefon dan akan diundang hadir ke Majlis Sambutan Hari Habitat Sedunia Peringkat Malaysia Tahun 2019 untuk majlis penyampaian hadiah.

- Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan yang dikehendaki.
- Gambar hendaklah diambil di dalam negara Malaysia sahaja.
- Teknik *cropped* atau *etched* pada gambar adalah dibenarkan.
- Kesemua gambar dan penulisan/ penceritaan yang diserahkan **mestilah ASLI** dan dihasilkan sendiri oleh peserta. Pengubahsuaian gambar atau sebarang penggunaan plagiat, peniruan atau dijiplak adalah **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali dan gambar tidak boleh diubah dari imej asal. Peserta adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap gambar-gambar dan penulisan cerita dengan tidak melanggar hak cipta, tanda dagangan, hak moral, hak-hak harta privasi / publisiti atau intelek mana-mana individu atau entiti dan tiada pihak lain mempunyai apa-apa hak, hakmilik, tuntutan atau kepentingan dalam gambar tersebut.
- Penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas mana-mana penyertaan yang rosak atau hilang semasa dalam perjalanan.
- Penganjur berhak untuk membatalkan sebarang penyertaan yang tidak mematuhi terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas.
- Keputusan hakim adalah muktamad dan sebarang bentuk rayuan dan surat-menyurat tidak akan dilayan.

BORANG PENYERTAAN

PERTANDINGAN **PHOTOJOURNALISM**

SEMPENA
SAMBUTAN HARI HABITAT SEDUNIA PERINGKAT MALAYSIA TAHUN 2019



"Frontier Technologies as an Innovative Tool To Transform Waste To Wealth"

Hadiah Pertama
RM3,000.00

Hadiah Kedua
RM2,000.00

Hadiah Ketiga
RM1,000.00

| | | |
|-----------------------|---|-------|
| TAJUK PHOTOJOURNALISM | : | _____ |
| NAMA | : | _____ |
| NO. KAD PENGENALAN | : | _____ |
| PEKERJAAN | : | _____ |
| NO. TEL DAN EMEL | : | _____ |
| ALAMAT SURAT MENYURAT | : | _____ |
| | | _____ |

BORANG PELEPASAN MATERIAL

Dengan ini saya bersetuju untuk menyertai Pertandingan Photojournalism sempena Sambutan Hari Habitat Sedunia Peringkat Malaysia Tahun 2019 dan memahami serta mematuhi syarat-syarat pertandingan dan perakuan seperti di bawah:

1. Saya merupakan pemilik atau/dan pemberi hakmilik hasil reka bentuk, gambar, penulisan dan hasil foto yang dikemukakan kepada penganjur.
2. Saya membenarkan, bersetuju dan memahami keperluan penganjur untuk mengeluarkan, menerbit dan mencetak hak cipta hasil reka bentuk, gambar, penulisan serta salinan foto bagi tujuan promosi, publisiti dan sebagainya mengikut keperluan penganjur.

**HANTAR PENYERTAAN ANDA SEBELUM ATAU PADA
13 SEPTEMBER 2019 KEPADA**

Urusetia Pertandingan Photojournalism
Sambutan Hari Habitat Sedunia Peringkat Malaysia Tahun 2019,
Bahagian Keurussetiaan Strategik dan Hubungan Antarabangsa
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 20, No.51, PERSIARAN PERDANA, Presint 4, 62100 PUTRAJAYA

Pegawai untuk dihubungi :

Puan Hasniza binti Sheikh Said @ Ahmad
Tel : 03 - 8891 5087
E-mel: hasniza@kpkt.gov.my

Puan Juliah binti Jusman
Tel : 03 - 8891 5069
E-mel: juliahjusman@kpkt.gov.my

Tarikh :

(_____)





PERTANDINGAN *PHOTOJOURNALISM*
SEMPENA
SAMBUTAN HARI HABITAT SEDUNIA
PERINGKAT MALAYSIA TAHUN 2019

TEMA

***“Frontier Technologies as an Innovative
Tool to Transform Waste to Wealth”***

**PERTANDINGAN *PHOTOJOURNALISM*
SEMPENA SAMBUTAN HARI HABITAT SEDUNIA
PERINGKAT MALAYSIA TAHUN 2019**

- 1.0 PENDAHULUAN**
- 2.0 OBJEKTIF**
- 3.0 PENYERTAAN**
- 4.0 TEMA**
- 5.0 KRITERIA PENGHANTARAN**
- 6.0 TERMA DAN RUJUKAN**
- 7.0 HADIAH PERTANDINGAN**
- 8.0 PERTANYAAN**

PERTANDINGAN *PHOTOJOURNALISM*

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 *Photojournalism* merupakan satu bentuk gambaran atau penceritaan berkenaan sesuatu perkara, peristiwa atau situasi yang dipersembahkan melalui gambar (fotografi), lukisan dan sebagainya dan disokong oleh penerangan ringkas berkenaan tema pertandingan dari awal sehingga kesudahannya.
- 1.2 Persembahan ini bersifat penceritaan tentang sesuatu peristiwa atau situasi yang berlaku, seterusnya membentuk fakta yang berkait rapat dengan budaya atau suasana persekitaran masa kini dan masa hadapan.

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Memperkukuhkan pemahaman, seterusnya membuka peluang yang lebih luas untuk rakyat lebih menghargai petempatan manusia, pengurusan sisa pepejal dan pembangunan di negara ini;
- 2.2 Menjadi pangkalan data-data terpencil yang boleh menjadi koleksi berhubung dengan penjagaan alam sekitar dan habitat manusia; dan
- 2.3 Memupuk minat kepada orang ramai terhadap *photojournalism* dengan menjadikannya sebagai kerjaya atau profesion yang beretika.

3.0 PENYERTAAN

- 3.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua **warganegara Malaysia** KECUALI urus setia dan juri pertandingan.

4.0 TEMA

“Frontier Technologies as an Innovative Tool to Transform Waste to Wealth”

5.0 KRITERIA PENGHANTARAN

- 5.1 Semua karya penyertaan hendaklah dihantar dalam **SATU *Poster Hard Copy*** bersaiz **A2 (420mm x 594mm) *digital PRINTED artwork*** dilekat pada ***mounting board*** berwarna hitam. Sila nyatakan nama penuh, alamat email, nombor telefon dan tajuk yang dipilih di belakang ***mounting board***.
- 5.2 ***Soft Copy***: Semua karya penyertaan juga hendaklah **disimpan dalam format PDF** dengan **resolusi** sekurang-kurangnya **300dpi** atau **format Cetakan Berkualiti Tinggi (*High Resolution Format*)** dan dihantar dalam bentuk **CD / DVD**. Sila labelkan semua penyertaan seperti berikut: **"_topik_no. entri._nama.pdf"**.
- 5.3 **Setiap gambar** yang diambil perlu dihantar dalam bentuk **CD / DVD** berasingan dari **bil. 5.2** untuk memastikan ketulenan gambar dan tidak ditiru atau dijiplak dari mana-mana media. Sila labelkan semua karya penyertaan seperti berikut: **"_topik_no. entri._nama.pdf"**.
- 5.4 Semua penyertaan perlu dibuat mengikut format dan garis panduan seperti berikut:
- i. Semua karya penyertaan hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya **4 gambar (*photo*)** dengan **penceritaan (*journalism*)** tidak kurang dari **300 patah perkataan**;
 - ii. Penceritaan mestilah dalam **Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris**;
 - iii. Semua gambar mesti disertakan dengan **kenyataan gambar**;
 - iv. Lokasi tempat bagi setiap gambar perlu dinyatakan dalam **kenyataan gambar**;
 - v. Penyertaan boleh disediakan dalam **orientasi potret atau landskap**; dan
 - vi. Gambar-gambar boleh dihasilkan dalam **bentuk berwarna atau hitam dan putih**.

6.0 TERMA DAN RUJUKAN

- 6.1 Pertandingan *Photojournalism* ini adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia **KECUALI** urus setia dan juri pertandingan.
- 6.2 Tarikh tutup pertandingan adalah pada **13 September 2019 (Jumaat)**. Pemenang akan dihubungi melalui surat / telefon dan akan diundang hadir ke Majlis Sambutan Hari Habitat Sedunia Peringkat Malaysia Tahun 2019 untuk majlis penyampaian hadiah.
- 6.3 Teknik *cropped* atau *etched* pada gambar adalah dibenarkan.
- 6.4 Peserta boleh menghantar seberapa banyak karya penyertaan yang dikehendaki.
- 6.5 Gambar hendaklah diambil di dalam negara Malaysia sahaja.
- 6.6 Kesemua gambar dan penulisan/ penceritaan yang diserahkan **mestilah ASLI** dan dihasilkan sendiri oleh peserta. Pengubahsuaian gambar atau sebarang penggunaan plagiat, peniruan atau dijiplak adalah **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali dan gambar tidak boleh diubah dari imej asal. Peserta adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap gambar-gambar dan penulisan cerita dengan tidak melanggar hak cipta, tanda dagangan, hak moral, hak-hak harta privasi / publisiti atau intelek mana-mana individu atau entiti dan tiada pihak lain mempunyai apa-apa hak, hak milik, tuntutan atau kepentingan dalam gambar tersebut.
- 6.7 Dengan menyertai pertandingan ini, para peserta adalah:
 - i. terikat dengan peraturan rasmi penganjur; dan
 - ii. penganjur berhak untuk menggunakan penyertaan yang berjaya seperti nama pemenang, artikel / gambar dan suara dalam sebarang publisiti atau pengiklanan yang berkaitan dengan peraduan atau promosi masa hadapan tanpa pampasan atau kelulusan. Semua karya penyertaan akan menjadi hak penganjur dan tidak akan dikembalikan.
- 6.8 Penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas mana-mana karya penyertaan yang rosak atau hilang semasa dalam perjalanan.
- 6.9 Penganjur berhak untuk membatalkan sebarang karya penyertaan yang tidak mematuhi terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas.
- 6.10 Keputusan hakim adalah muktamad dan sebarang bentuk rayuan dan surat-menyurat tidak akan dilayan.

- 6.11 Semua penyertaan mestilah diterima sebelum atau pada tarikh akhir penyertaan iaitu pada **13 September 2019 (Jumaat)**. Sila cetak borang penyertaan dari laman web KPKT. Sila pastikan semua maklumat dinyatakan di ruang yang telah ditetapkan. Permohonan yang disertakan dengan borang yang tidak lengkap akan dibatalkan. Sila lampirkan borang penyertaan berserta CD / DVD.
- 6.12 Semua karya penyertaan boleh dihantar melalui pos atau diserahkan ke alamat:

**Urusetia Pertandingan Photojournalism
Sambutan Hari Habitat Sedunia Peringkat Malaysia Tahun 2019,
Bahagian Keurussetiaan Strategik dan Hubungan Antarabangsa
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 20, No.51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100
PUTRAJAYA**

7.0 HADIAH PERTANDINGAN

| | | |
|----------------|---|------------|
| Tempat Pertama | : | RM3,000.00 |
| Tempat Kedua | : | RM2,000.00 |
| Tempat Ketiga | : | RM1,000.00 |

8.0 PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berkenaan pertandingan boleh menghubungi:

i. Puan Hasniza binti Sheikh Said @ Ahmad

Tel. : 03-8891 5104

E-mel : hasniza@kpkt.gov.my

ii. Puan Juliah binti Jusman

Tel. : 03 - 8891 5069

E-mel : juliahjusman@kpkt.gov.my

Waktu berurusan / urus setia pertandingan:

Isnin – Jumaat : 8:00 pagi hingga 5:00 petang

Sabtu dan Ahad : Tutup